



SIARAN MEDIA

KPKT ANJUR SESI LIBAT URUS INISIATIF BELANJAWAN 2024 BERSAMA PEMEGANG TARUH KPKT

PUTRAJAYA, 17 Ogos 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mempengerusikan Sesi Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2024 Bersama Pemegang Taruh KPKT bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) pagi ini.

Sesi libat urus ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua pihak yang berkepentingan dan terlibat secara langsung dengan KPKT khususnya berkaitan sektor perumahan, pengurusan sisa pepejal, pengurusan bencana, kemampunan bandar dan kesejahteraan komuniti serta pemeraksanaan perkhidmatan Kerajaan Tempatan. Ia melibatkan pelaksanaan program di bawah inisiatif Belanjawan 2024 bagi melipat gandakan usaha dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat selari dengan Kerangka Ekonomi MADANI yang bertemakan Memperkasa Rakyat.

Seramai 243 pemegang taruh terdiri daripada pemain industri seperti Syarikat Pemaju Perumahan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Swasta, Persatuan-Persatuan mewakili komuniti, pihak Universiti dan pelbagai Agensi Kerajaan hadir sama dalam majlis tersebut.

YB KM berkata, “Sesi libat urus ini merupakan salah satu platform yang penting bagi KPKT untuk mendapatkan idea-idea baharu dan cadangan daripada pemegang taruh bagi inisiatif Bajet 2024 yang akan dilaksanakan oleh KPKT agar ia dapat memenuhi ekspektasi rakyat.”

Selari dengan Peluncuran Ekonomi MADANI yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 27 Julai yang lalu, KPKT telah memberi fokus kepada lima (5) agenda progresif iaitu:

- (i) Memperkasa peniaga kecil melalui MyKiosk;
- (ii) Membolehkan daya golongan yang tidak berpendapatan tetap untuk memiliki rumah pertama dengan jaminan Kerajaan menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP);
- (iii) Membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah;
- (iv) Melancarkan urusan perniagaan (*Ease of Doing Business*) melalui OSC 3.0 Plus; dan
- (v) Menyediakan Garis Panduan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) bagi membantu mencapai sasaran 10,000 stesen EV pada tahun 2025.

Penganjuran majlis ini juga dijangka dapat membantu KPKT meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat selaras dengan gagasan Malaysia MADANI.

Majlis turut dihadiri YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT; YBhg. Dato' M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT selaku moderator sesi libat urus dan barisan Pengurusan Tertinggi KPKT serta ketua jabatan dan agensi KPKT.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

